

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 38

RUANGAN : SETEMPAT

Pandang serius isu 'kartel' pusat dialisis

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius dakwaan bahawa terdapat penyelewengan dalam pengeluaran lesen pusat dialisis swasta sehingga seolah-olah dikuasai dan dikawal secara kartel serta menjadi 'lubuk emas' pegawai yang menguruskan kelulusan lesen ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi

DR Hilmi



Yahaya berkata, kementerian pasti menyasat dakwaan itu yang dianggap sebagai pertuduhan berat kerana jika benar berlaku, ia boleh menjejaskan perkhidmatan pusat dialisis kepada pesakit dan mereka yang memerlukan rawatan.

"Urusan lesen ini di bawah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) KKM. Kita akan siasat perkara ini," katanya pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Dr Hilmi berkata demikian keti-

ka menjawab soalan tambahan Dr Siti Mariah Mahmud (Amanah-Kota Raja) yang mendakwa ada pusat dialisis sukar membuat permohonan atau memperbaharui lesen berpunca daripada sikap pegawai yang dipertanggungjawabkan yang sengaja menimbulkan masalah birokrasi.

Siti Mariah berkata, pengusaha perkhidmatan pusat dialisis turut mengadu urusan permohonan dan pembaharuan lesen itu seolah-olah dikawal secara kartel kumpulan tertentu serta menjadi 'lubuk emas' hingga berlaku pusat dialisis beroperasi menggunakan lesen tamat tempoh. - BERNAMA